

PM lancar buku kenang jasa Noordin

Um - 31/5/2006

KUALA LUMPUR 30 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini melancarkan dua buku bagi mengenang jasa bekas Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif ISIS Malaysia, Allahyarham Tan Sri Dr. Noordin Sopiee.

Satu daripada buku itu ialah kompilasi ucapan dan karya Allahyarham bertajuk *Noordin Sopiee: A Man And His Ideas, A Compilation Of His Speeches And Writings*.

Sebuah buku lagi diterbitkan oleh ASEAN-ISIS berjudul *Twenty Two Years of ASEAN ISIS: Origin, Evolution and Challenges of Track Two Diplomacy*.

Pada majlis itu, Abdullah juga turut menyerahkan senaskhah buku itu kepada Puan Sri Shamsiah Hashim, balu Allahyarham Noordin.

Terdahulu, ketika menyampaikan ucap-tamanya pada Persidangan Meja Bulat Asia-Pasifik Ke-20 di sini hari ini, Abdul-lah mengetuai bacaan Al-Fatihah untuk Allahyarham Noordin dan untuk mangsa gempa bumi di Indonesia.